



GARIS PANDUAN GERAN PADANAN SUKAN (GPS) KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2026

**DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. LATAR BELAKANG	3
2. OBJEKTIF	3
3. SASARAN	3
4. SKOP PERMOHONAN	4
5. SILING PERUNTUKAN	4
6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	4
7. TANGGUNGJAWAB PENERIMA GPS	8
8. TUNTUTAN, DOKUMEN DAN PEMBAYARAN	9
9. PEMANTAUAN	10
10. ADUAN	10
11. PERTANYAAN	10
12. SENARAI SEMAK SEMASA PERMOHONAN	11
13. SENARAI SEMAK SELEPAS KELULUSAN	12
14. SENARAI SEMAK SEMASA PROGRAM	12
15. SENARAI SEMAK TUNTUTAN PEMBAYARAN	13
16. CARTA ALIR PERMOHONAN	14
17. SOALAN LAZIM (FAQ)	15

1. LATAR BELAKANG

- i. Selaras dengan aspirasi untuk merakyatkan sukan melalui pendekatan *whole-of-nation* dan berpaksikan nilai Malaysia MADANI, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus memperkukuh ekosistem sukan negara melalui Inisiatif Geran Padanan Sukan.
- ii. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa komited dalam memastikan pembangunan dan kecemerlangan sukan dapat diperluaskan melibatkan semua pemegang taruh dalam meningkatkan indeks budaya sukan negara serta prestasi atlet dan pasukan negara di pentas yang lebih kompetitif. Penglibatan semua pihak khususnya dari kalangan persatuan dan badan bukan kerajaan amatlah dihargai bagi memastikan usaha pembangunan belia dan sukan selari dengan Visi Sukan Negara 2030.
- iii. Sambutan serta prestasi yang amat menggalakkan daripada semua pihak terhadap beberapa inisiatif dana sukan yang diterajui KBS telah memberi keyakinan kepada kerajaan untuk meneruskan inisiatif ini dan dizahirkan melalui Belanjawan 2026 dengan sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi inisiatif Geran Padanan Sukan (GPS).
- iv. Sehubungan itu, Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan beberapa mekanisme bagi mengurus dana ini meliputi penganjuran aktiviti sukan yang melibatkan 103 jenis sukan seperti mana dinyatakan dalam Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 2 Tahun 2023, Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576].

2. OBJEKTIF

- i. Menggalakkan penganjuran acara sukan peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa oleh Persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- ii. Memperbaiki ranking atlet prestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- iii. Menyediakan pertandingan kompetitif kepada atlet/ pasukan negeri/ kebangsaan;
- iv. Mencapai sasaran untuk menjadikan Malaysia negara bersukan selaras dengan Visi Sukan Negara 2030;
- v. Menggalakkan penajaan sektor swasta/ korporat untuk penganjuran program sukan;

- vi. Memastikan industri sukan terus berdaya saing dengan memberi sokongan dan bantuan (insentif) kepada Persatuan Sukan/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO); dan
- vii. Meningkatkan skor Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) selaras yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13.

3. SASARAN

Penyertaan daripada Persatuan/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam penganjuran program sukan sehingga 31 Oktober tahun 2026.

4. SKOP PERMOHONAN

- a) Permohonan adalah meliputi penganjuran program sukan bagi sukan prestasi tinggi/ impak tinggi di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara:

i. Prestasi Tinggi:

- Sukan yang menentukan ranking; dan
- Dilaksanakan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Persatuan Sukan Negeri (PSN).

ii. Impak Tinggi:

- Dilaksanakan oleh Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS);
- Memberi impak kepada ekonomi (ROI) / industri sukan.

- b) Melibatkan 103 jenis sukan di bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan 1997 sepertimana dinyatakan dalam Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 2 Tahun 2023; dan

- c) Program yang belum dilaksanakan.

5. SILING PERUNTUKAN

- i. Nilai bagi satu permohonan adalah tidak kurang daripada RM50,000.00;

- ii. Pemberian geran adalah sehingga **50% daripada kos program** atau maksimum sehingga **RM1,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja);
- iii. Setiap pemohon hanya dipertimbangkan **SATU (1)** kelulusan di setiap Jendela; dan
- iv. Kelulusan bagi permohonan seterusnya akan diberi setelah laporan lengkap dikemukakan dan bayaran tuntutan telah sempurna bagi kelulusan terdahulu.

6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

i. Kategori Pemohon

Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

ii. Permohonan Yang Tidak Dipertimbangkan

- i. Berdaftar selain di bawah PJS/ ROY/ ROS;
- ii. Syarikat, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan.
- iii. Permohonan daripada entiti atau organisasi politik;
- iv. Pemohon yang telah digantung atau dibatalkan pendaftarannya atau yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya/ Pendaftar Pertubuhan masing-masing
- v. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat;
- vi. Program sukan yang sedang berlangsung atau telah tamat;
- vii. Entiti yang telah disenarai hitam atau diisytiharkan bankrap oleh pihak Kerajaan;
- viii. Bertentangan dengan undang-undang atau dasar-dasar Kerajaan semasa, menyentuh sensitiviti atau menjejaskan keharmonian rakyat, komuniti serta menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam;
- ix. Penganjuran sukan yang terlibat dengan mana-mana individu/organisasi yang menjalankan perniagaan/aktiviti yang dilarang oleh Kerajaan, termasuk minuman keras, berasaskan tembakau, rokok elektronik, perjudian atau berunsur seksual; dan

iii. **Permohonan GPS KBS**

- a) Permohonan dibuka bermula 15 Disember 2025 sehingga 1 Julai 2026 dan boleh diisi secara dalam talian yang boleh dicapai di pautan yang disediakan di <https://gps.kbs.gov.my/>;
- b) Permohonan hendaklah dikemukakan mengikut jadual berikut; (*sebarang pindaan tarikh adalah tertakluk kepada perubahan semasa)

JENDELA PERMOHONAN	TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN
Jendela 1	15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan
Jendela 2	15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac
Jendela 3	15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei
Jendela 4	1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai

- c) Permohonan dalam talian perlu disertakan bersama maklumat berikut:
- i. Jenis Sukan Yang Dianjurkan;
 - ii. Jenis Pendaftaran oleh PJS/ ROY/ ROS;
 - iii. Nama Persatuan / Kelab;
 - iv. Alamat Surat – Menyurat;
 - v. No. Pendaftaran Persatuan;
 - vi. Tarikh Daftar Persatuan;
 - vii. Nama Pemohon;
 - viii. Jawatan Dalam Persatuan;
 - ix. No. Telefon Bimbit;
 - x. Alamat E-mel Rasmi Persatuan;
 - xi. Slip eVENDOR (Pendaftaran di <https://evendor.anm.gov.my/>);
 - xii. Sijil Daftar Persatuan;
 - xiii. Penyata Bank terkini (pastikan baki akaun tidak dihitamkan dan mempunyai baki minimum RM10,000.00); dan
 - xiv. Tuan rumah bagi Kejohanan Antarabangsa (Kelulusan Bertulis YB Menteri Belia & Sukan untuk menjadi tuan rumah perlu dikemukakan).
 - xv. Kertas kerja yang mengandungi;
 - Pengenalan
 - Tajuk/ Nama program
 - Objektif

- Tarikh laksana
 - Lokasi laksana
 - Jumlah peserta
 - Jumlah pengunjung
 - Mekanisme Pelaksanaan
 - Kaedah pelaksanaan / syarat pertandingan
 - Teknikal dan pengadil
 - Yuran penyertaan
 - Kaedah promosi
 - Kerjasama pelaksanaan
 - Kewangan
 - Kos pelaksanaan yang terperinci (Butiran perbelanjaan menggunakan format microsoft excel yang disediakan dalam sistem)
 - Nilai Yang Dipohon
 - Sumber Kewangan (Yuran / Tabung / Sumbangan)
 - Nilai Tajaan
 - Return of Investment (ROI)
 - *Hanya kos penganjuran sukan sahaja dipertimbang. (Cth: Logistik / Teknikal / Makan Minum / Sewaan Peralatan)
 - Penutup
 - Impak / Harapan
- xvi. Tuan rumah bagi Kejohanan Antarabangsa (Kelulusan Bertulis YB Menteri Belia & Sukan untuk menjadi tuan rumah perlu dikemukakan).
- xvii. Kertas cadangan perlu dikemukakan dalam Bahasa Melayu;
- xviii. Mana-mana permohonan yang tidak mengemukakan dokumen yang menepati syarat Garis Panduan tidak akan diproses;
- xix. Keputusan Jawatankuasa Pelulus adalah **MUKTAMAD**.
- xx. Tempoh pelaksanaan program yang diluluskan adalah sehingga 31 Oktober 2026 dan sebarang pelanjutan tempoh pelaksanaan selepas tarikh tersebut adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- xxi. Jawatankuasa Teknikal dan Pelulus berhak menentukan ciri dan aspek yang ingin disokong/ diluluskan di dalam kertas cadangan mengikut kadar penilaian sewajarnya dan tidak tertakluk kepada keseluruhan penganjuran program **SAHAJA**;
- xxii. Jawatankuasa Pelulus berhak membuat semakan semula dan pindaan kepada Garis Panduan ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada peraturan-peraturan berkuat kuasa;

iv. **Akuan Penerimaan**

- a) KBS akan mengeluarkan Surat Kelulusan dan Akuan Penerimaan melalui e-mel sekretariat kepada pihak penganjur yang berjaya beserta syarat dan terma yang dipersetujui bersama;
- b) Akuan Penerimaan yang telah ditandatangani adalah **MUKTAMAD** dan sebarang perubahan pada syarat dan terma adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- c) Sebarang perubahan tarikh dan lokasi hendaklah dimaklumkan kepada sekretariat GPS melalui surat rasmi atau hantaran e-mel untuk tujuan rekod; dan
- d) Akuan Penerimaan yang telah ditandatangani (salinan asal) perlu dikemukakan kepada Sekretariat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan e-mel surat kelulusan. Kegagalan mengemukakan Akuan Penerimaan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan kelulusan **DIBATALKAN**.

7. **TANGGUNGJAWAB PENERIMA GPS**

i. **Selepas mendapat kelulusan**

- a) Penerima GPS perlu memulangkan **Akuan Penerimaan** kepada Sekretariat (**Salinan Asal**) dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh penerimaan e-mel surat kelulusan;
- b) Penerima GPS perlu mendapatkan **kelulusan bagi penggunaan logo KBS & Logo Rakan Muda** melalui e-mel kepada Unit Komunikasi Korporat KBS (<https://www.kbs.gov.my/logo-kbs.html>);
- c) Penerima GPS perlu mendapatkan **Surat Kebenaran (Sanction)** oleh Badan Pengelola Sukan. "Kebenaran" ertinya pengiktirafan atau persetujuan bertulis yang dikeluarkan oleh badan pengelola suatu sukan bagi penganjuran acara sukan;
- d) Penerima GPS perlu mendapatkan **kelulusan Penganjuran Acara Antarabangsa** daripada Pesuruhjaya Sukan melalui Sistem eROSA (https://erosa.kbs.gov.my/ks_user/login.php) (penganjuran domestik tidak perlu memohon); dan

- e) Penerima GPS perlu mendapatkan **perlindungan insurans** bagi penganjuran program yang diluluskan.

ii. **Semasa Program Berlangsung**

- a) Penerima GPS diwajibkan untuk memastikan pelaksanaan dan penganjuran program mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui bersama mengikut undang - undang yang sedang berkuat kuasa;
- b) Penerima GPS diwajibkan meletakkan logo KBS, logo utama Rakan Muda dan logo GPS dalam penganjuran program sukan yang diluluskan. Pemohon boleh merujuk garis panduan penggunaan logo KBS yang boleh diakses di <https://www.kbs.gov.my/hartainteleklogokbs.html> manakala logo utama Rakan Muda akan di-e-melkan bersama Surat Kelulusan;
- c) Penerima GPS hendaklah memuat naik gambar atau video pelaksanaan program di dalam media sosial dan meletakkan tanda pagar **#gpskbs #kbsmalaysia #rakanmuda**; dan
- d) Penerima GPS hendaklah menyediakan Kod QR bagi borang Kaji Selidik Tinjauan Ekonomi Sukan (TES) dan memastikan sekurang – kurangnya 5% para peserta dan pengunjung melengkapkan borang tersebut.

iii. **Selepas Program Berlangsung**

- a) Penerima GPS hendaklah mengemukakan laporan komprehensif mengikut template yang disediakan selepas program selesai dilaksanakan merujuk kepada syarat dan terma yang dipersetujui bersama di dalam Akuan Penerimaan;
- b) Penerima GPS hendaklah memastikan laporan pelaksanaan program berserta dokumen tuntutan lengkap dikemukakan kepada sekretariat dalam tempoh **30 hari** selepas program berlangsung; dan
- c) Sekiranya penerima GPS gagal mengemukakan laporan dan dokumen tuntutan lengkap dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan akan **DIBATALKAN**.

8. TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN

- a) Pemberian bantuan GPS KBS adalah secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) selepas program selesai dilaksanakan. Pemohon perlu mengemukakan tuntutan berserta dokumen berikut secara *hardcopy* untuk tujuan tuntutan pembayaran;
- b) **Surat Tuntutan Pembayaran** dengan menggunakan kepala surat (*letterhead*);
- c) **Borang Permohonan** (Dijana dari sistem permohonan dalam talian)
- d) **Akuan Penerimaan** (Salinan Asal);
- e) **Salinan Surat Kelulusan**;
- f) **Borang Laporan GPS** yang disediakan dan disahkan oleh Sekretariat GPS;
- g) Laporan perlu mengandungi :
 - a. Resit / Baucar Bayaran (Dicop rasmi Persatuan/ Kelab);
 - b. Persatuan hendaklah mengemukakan resit perbelanjaan 100% yang dibelanjakan bagi membolehkan persatuan menerima 50% nilai padanan sukan.
 - c. Gambar Program, poster program lain lain;
 - d. Tangkapan layar (snapshot) bagi hebahan program di media sosial beserta tanda pagar #gpskbs #kbsmalaysia #rakanmuda; dan
 - e. Senarai nama penyertaan (berserta no. telefon dan no mykad).
- h) **Salinan Sijil Pendaftaran Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan**;
- i) **Kertas kerja program**;
- j) **Penyata Bank terkini**;
- k) **Slip eVENDOR**;
- l) **Surat Kebenaran (Sanction)** Badan Pengelola Sukan berkaitan;
- m) **Surat Kelulusan Penganjuran Acara Antarabangsa** daripada Pesuruhjaya Sukan (PJS); dan
- n) Tiga (3) salinan perlu disediakan oleh penganjur seperti berikut;
 - satu (1) salinan asal dan satu (1) salinan untuk sekretariat dan
 - satu(1) salinan asal simpanan penganjur
- o) Tuntutan perlu dikemukakan dalam **tempoh 30 hari** selepas program tamat.

9. PEMANTAUAN

- i. Program yang mendapat kelulusan GPS akan dipantau oleh pegawai Kementerian Belia dan Sukan/ Jabatan Belia dan Sukan Negara/ Jabatan Belia dan Sukan Negeri/ Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) mengikut keperluan.

- ii. Pemohon perlu menyediakan cek cura bagi setiap kelulusan yang diterima. Surat jemputan dihantar kepada tetamu kehormat atau wakil YB Menteri Belia dan Sukan untuk memantau pelaksanaan program.

10. ADUAN

- i. Sebarang aduan mengenai GPS boleh dibuat melalui sistem SISPAA KBS melalui pautan (<https://kbs.spab.gov.my/eApps/system/index.do>); atau
- ii. E-mel rasmi sekretariat (sekretariatgps@kbs.gov.my).

11. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, boleh hubungi:

Bilik Gerakan Dana KBS

Aras 2, Menara KBS, Kementerian Belia dan Sukan
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 Putrajaya.

No. Telefon : 03-8871 3585/ 3315/ 3058/ 3632

E-mel : sekretariatgps@kbs.gov.my

12. **SENARAI SEMAK (SEMASA PERMOHONAN)**

BIL.	PERKARA	TANDA (/)	CATATAN
1	Jenis Sukan Yang Dianjurkan		
2	Jenis Pendaftaran oleh PJS / ROY / ROS		
3	Nama Persatuan / Kelab		
4	Alamat Surat - Menyurat		
5	No. Pendaftaran Persatuan		
6	Tarikh Daftar Persatuan		
7	Nama Pemohon		
8	Jawatan Dalam Persatuan		
9	No. Telefon Bimbit		
10	Alamat E-mel Rasmi Persatuan		
11	Slip eVENDOR (Pendaftaran di https://evendor.anm.gov.my/)		
12	Sijil Daftar Persatuan		
13	Penyata Bank terkini(pastikan baki akaun tidak dihitamkan dan mempunyai baki minimum RM10,000.00)		
14	Kelulusan Bertulis YB Menteri Belia & Sukan untuk menjadi tuan rumah perlu dikemukakan. Jika melibatkan penyertaan antarabangsa, kebenaran Bertulis YB Menteri Belia & Sukan diperlukan melalui sistem https://erosa.kbs.gov.my/ks_user/login.php		
15	Kertas kerja lengkap		

13. SENARAI SEMAK (SELEPAS KELULUSAN)

BIL	PERKARA	TANDA (/)	CATATAN
1.	Pemulangan Akuan Penerimaan kepada Sekretariat (Salinan Asal dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh terima e-mel surat kelulusan)		
2.	Mendapatkan kelulusan bagi penggunaan logo KBS & Logo Rakan Muda melalui e-mel kepada Unit Komunikasi Korporat KBS (https://www.kbs.gov.my/logo-kbs.html)		
3.	Mendapatkan Surat Kebenaran (Sanction) oleh Badan Pengelola Sukan.		
4.	Mendapatkan kelulusan Penganjuran Acara Antarabangsa daripada Pesuruhjaya Sukan melalui Sistem eROSA (https://erosa.kbs.gov.my/ks_user/login.php) *penganjuran domestik tidak perlu mohon		
5.	Mendapatkan perlindungan insurans bagi program yang mendapat kelulusan.		


14. SENARAI SEMAK (SEMASA PROGRAM)

BIL.	PERKARA	TANDA (/)	CATATAN
1.	Penganjur perlu ADA Surat Kebenaran (Sanction) oleh Badan Pengelola Sukan.		
2.	Penganjur perlu ADA Surat kelulusan PJS bagi penganjuran acara antarabangsa.		
3.	Penganjur perlu ADA Perlindungan Insurans.		
4.	Penganjur perlu ADA kelulusan Penggunaan Logo KBS & Rakan Muda di semua bahan promosi (media cetak / media digital)		
5.	Penganjur HENDAKLAH memuat naik gambar atau video pelaksanaan program di dalam media sosial dan meletakkan tanda pagar #gpskbs #kbsmalaysia #rakanmuda		
6.	Penganjur HENDAKLAH menyediakan Kod QR Borang Soal Selidik Tinjauan Ekonomi Sukan (TES).		

15. **SENARAI SEMAK (SEMASA TUNTUTAN)**

BIL.	PERKARA	TANDA (/)	CATATAN
1.	Surat Tuntutan Pembayaran (Menggunakan kepala surat rasmi Persatuan/Kelab)		
2.	Borang Permohonan (Dijana dari sistem permohonan dalam talian)		
3.	Akuan Penerimaan (Salinan Asal)		
4.	Salinan Surat Kelulusan		
5.	<p>Borang Laporan (Ditandatangani & Cop Rasmi Persatuan/Kelab). Laporan perlu mengandungi :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit / Baucar Bayaran (Dicop rasmi Persatuan/Kelab) ▪ Persatuan hendaklah mengemukakan resit perbelanjaan 100% yang dibelanjakan bagi membolehkan persatuan menerima 50% nilai padanan sukan. ▪ Gambar program, poster program; ▪ Senarai nama penyertaan (beserta no. telefon dan no mykad); ▪ Tangkapan layar (<i>snapshot</i>) bagi hebahan program di media sosial berserta tanda pagar #gpskbs #kbsmalaysia #rakanmuda; dan ▪ Gambar bukti edaran QR Kod Borang Soal Selidik Tinjauan Ekonomi Sukan (TES). 		
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan		
7.	Kertas kerja program		
8.	Salinan Slip eVENDOR		
9.	Penyata Bank terkini (pastikan baki akaun tidak dihitamkan dan mempunyai baki minimum RM10,000.00)		
10.	Salinan Surat Kebenaran (Sanction) daripada Badan Pengelola Sukan Berkaitan		
11.	Salinan Surat Kelulusan Penganjuran Acara Antarabangsa daripada Pesuruhjaya Sukan (PJS).		
11.	2 SALINAN (Perlu dicop & tandatangan setiap helaian)		

16. CARTA ALIR PERMOHONAN



SOALAN LAZIM/ FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
GERAN PADANAN SUKAN (GPS)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

1. Apakah kaedah pemberian peruntukan GPS KBS?

Kaedah pemberian peruntukan GPS KBS adalah secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) selepas program selesai dilaksanakan.

2. Siapakah yang layak memohon GPS KBS?

Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

3. Apakah skop permohonan di bawah GPS KBS?

a) Permohonan adalah meliputi penganjuran program sukan bagi sukan prestasi tinggi/ impak tinggi di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara:

i. Prestasi Tinggi:

- a. Sukan yang menentukan Ranking; dan
- b. Dilaksanakan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Persatuan Sukan Negeri (PSN).

ii. Impak Tinggi:

- a. Dilaksanakan oleh Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS);
- b. Memberi impak kepada ekonomi (ROI) / industri sukan.

b) Melibatkan 103 jenis sukan di bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan 1997 sepertimana dinyatakan dalam Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 2 Tahun 2023; dan

c) Program yang belum dilaksanakan.

4. Apakah kategori permohonan yang tidak dipertimbangkan di bawah GPS KBS?

- i. Berdaftar selain di bawah PJS/ ROY/ ROS;
- ii. Pemohon yang telah digantung atau dibatalkan pendaftarannya atau yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pendaftar Pertubuhan masing-masing;
- iii. Permohonan daripada entiti atau organisasi politik;
- iv. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat;
- v. Program sukan yang sedang berlangsung atau telah tamat;
- vi. Menjalankan perniagaan/ aktiviti yang dilarang oleh Kerajaan;

- vii. Entiti yang telah disenarai hitam atau diisytiharkan bankrap oleh pihak Kerajaan;
- viii. Bertentangan dengan undang-undang atau dasar-dasar Kerajaan semasa, menyentuh sensitiviti atau menjejaskan keharmonian rakyat, komuniti serta menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam;
- ix. Penganjurkan sukan yang terlibat dengan mana-mana individu/organisasi yang menjalankan perniagaan/aktiviti yang dilarang oleh Kerajaan, termasuk minuman keras, berasaskan tembakau, rokok elektronik, perjudian atau berunsur seksual; dan
- x. Syarikat, Yayasan, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan.

5. Bilakah tarikh permohonan GPS KBS?

Permohonan dibuka bermula 15 Disember 2025 sehingga 1 Julai 2026 dan boleh diisi secara dalam talian yang boleh dicapai di pautan yang disediakan di <https://gps.kbs.gov.my/>; dan

Pemohon boleh merujuk kepada jadual berikut untuk perancangan permohonan.

**Sebarang perubahan tarikh adalah tertakluk kepada perubahan semasa.*

JENDELA PERMOHONAN	TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN
Jendela 1	15 Feb - 31 Oktober	31 Disember 2025	15 Jan
Jendela 2	15 April – 31 Oktober	28 Feb 2026	15 Mac
Jendela 3	15 Jun - 31 Oktober	15 April 2026	15 Mei
Jendela 4	1 Sept - 31 Oktober	1 Julai 2026	31 Julai

6. Berapakah nilai minimum permohonan untuk menganjurkan satu (1) program?

Nilai program sukan bagi satu permohonan adalah tidak kurang daripada RM50,000.00.

7. Berapakah jumlah permohonan yang boleh dipertimbangkan/ diluluskan untuk program di bawah GPS KBS?

Pemohon layak membuat lebih daripada satu (1) permohonan. Namun, setiap pemohon hanya dipertimbangkan **SATU (1)** kelulusan di setiap Jendela; dan

Kelulusan bagi permohonan seterusnya akan diberi setelah laporan lengkap dikemukakan dan bayaran tuntutan telah sempurna bagi kelulusan terdahulu.

8. Bilakah tarikh akhir untuk melaksanakan program sukan di bawah GPS KBS?

Tempoh pelaksanaan program yang diluluskan adalah sehingga 31 Oktober 2026 dan sebarang pelanjutan tempoh pelaksanaan selepas tarikh tersebut adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

9. Berapakah nilai minimum dan siling maksimum peruntukan yang boleh diluluskan untuk program di bawah GPS KBS?

Sehingga 50% daripada kos program atau maksimum sehingga RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja).

10. Adakah permohonan yang diluluskan layak menerima pendahuluan (*advanced/upfront*) sebelum penganjuran program?

TIDAK. Bayaran hanya dibuat secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) selepas program selesai dilaksanakan. Tuntutan perlu dikemukakan secara *hardcopy* dengan disertakan dokumen bayaran yang lengkap seperti bukti bayaran, bil pihak ketiga dan resit perbelanjaan rasmi serta dokumen berkaitan. (Sila rujuk senarai semak semasa tuntutan)

11. Siapakah yang layak menuntut GPS?

Pemohon yang menerima notifikasi "DILULUSKAN" dalam sistem GPS serta e-mel Surat Kelulusan daripada Sekretariat GPS KBS.

12. Adakah saya boleh membuat rayuan sekiranya permohonan ditolak?

Keputusan Jawatankuasa Pelulus adalah **MUKTAMAD** dan segala rayuan tidak akan dipertimbangkan.

13. Berapa lama tempoh penyerahan Akuan Penerimaan?

Pemohon perlu mengembalikan **salinan asal** Akuan Penerimaan yang telah ditandatangani dan dicop dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh penerimaan e-mel surat kelulusan. Kegagalan mengemukakan Akuan Penerimaan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan kelulusan **DIBATALKAN**.

14. Bagaimana proses tuntutan bayaran GPS KBS?

Pemohon hendaklah mengembalikan laporan pelaksanaan program mengikut template yang disediakan oleh Sekretariat berserta resit - resit perbelanjaan program yang mana setiap muka surat telah disahkan (cop) oleh persatuan. Pemohon hendaklah mengemukakan resit perbelanjaan 100% yang dibelanjakan bagi membolehkan persatuan menerima 50% nilai padanan sukan.

15. Saya perlu menyertakan slip eVENDOR semasa membuat permohonan GPS dalam talian. Apakah sistem eVENDOR?

Sistem pendaftaran untuk pembekal dan individu yang berurusan dengan Kerajaan. Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan yang masih belum mempunyai eVENDOR boleh membuat pendaftaran di <https://evendor.anm.gov.my/>.

16. Saya telah menerima kelulusan GPS dan dikehendaki untuk menyediakan Kod QR Borang Kaji Selidik Tinjauan Ekonomi Sukan (TES) semasa program berlangsung. Apakah yang dimaksudkan dengan TES?

- a) TES ialah kaji selidik yang dijalankan semasa acara sukan untuk menilai perbelanjaan peserta dan pengunjung seperti pengangkutan, penginapan, makanan, pembelian barangan sukan, dan yuran penyertaan.
- b) Kod QR TES akan diberikan melalui e-mel Surat Kelulusan oleh Sekretariat GPS.
- c) Penerima GPS perlu:
 - i. Menyediakan kod QR untuk kaji selidik TES.
 - ii. Memaparkan kod QR di sekitar venue atau dalam e-mel kepada peserta.
 - iii. Melampirkan gambar bukti edaran kod QR semasa membuat tuntutan.

17. Adakah badan sukan berdaftar perlu memohon kelulusan PJS untuk menganjurkan acara sukan tempatan?

- a) Untuk acara sukan tempatan, **TIDAK PERLU**. Namun, penganjur mesti:
 - i. Mendapatkan sanksi dari badan pengelola sukan.
 - ii. Mendapatkan insurans untuk pertandingan.
 - iii. Mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan lain-lain arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
- b) Untuk acara antarabangsa, permohonan kepada PJS diperlukan mengikut Akta 576 Seksyen 33 dan mesti dibuat 30 hari sebelum acara.

18. Sekiranya penganjur ingin menganjurkan acara sukan peringkat antarabangsa di Malaysia adakah perlu membuat permohonan dengan PJS?

PERLU.

Merujuk kepada Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) Seksyen 33(1) "Tiada seorang pun boleh membuat tawaran atau menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan atau acara sukan antarabangsa di Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu dan keputusan Menteri adalah muktamad'.

Permohonan penganjuran acara sukan peringkat antarabangsa yang dibuat melalui PJS (menggunakan sistem eROSA) akan disemak dan diteliti

sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penganjuran Sukan Antarabangsa (JKPSA) seterusnya diangkat kepada Menteri untuk kelulusan bergantung kepada dokumen yang lengkap.

19. Apakah perbezaan penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan peringkat tempatan dan antarabangsa?

- a) Tempatan - Mana-mana penganjuran pertandingan sukan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, bahagian atau mana-mana kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang melibatkan penyertaan warganegara tempatan atau pemastautin tetap.
- b) Antarabangsa – Penganjuran pertandingan sukan di Malaysia yang disertai oleh mana-mana bukan warganegara yang mewakili sesuatu negara atau secara individu tidak termasuk yang menetap dan bekerja atau belajar di mana-mana bahagian dalam persekutuan.

20. Kenapa perlu mendapatkan insuran dan kebenaran (sanksi) badan pengelola sukan untuk pelesenan dan penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan?

Ini bagi memastikan setiap penganjuran/pertandingan/acara yang dianjurkan mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola sepertimana dinyatakan di dalam Akta 576 seksyen 34;

“Sesuatu badan sukan hendaklah memastikan bahawa semua pertandingan dan acara sukan yang dibenarkan, dijalankan atau disertai olehnya serta pertandingan dan acara sukan yang diadakan di bawah naungannya, adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola dan pengawalseliaan bagi sukannya dalam semua perkara, termasuk standard dan kelayakan semua peserta dan pegawai serta langkah kesihatan dan keselamatan bagi peserta, pegawai dan penonton di pertandingan atau acara itu”.

21. Sekiranya acara sukan yang hendak dianjurkan organisasi saya tidak mempunyai Badan Kebangsaan bagi tujuan sanksi. Bagaimana saya boleh meneruskan permohonan kebenaran penganjuran kejohanan atau pertandingan daripada Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS)?

- a) Mana-mana kejohanan/ pertandingan/ acara sukan yang hendak dianjurkan organisasi tetapi tidak mempunyai Badan Pengelola Kebangsaan bagi tujuan sanction, boleh mengemukakan surat makluman kepada PJS bagi menggantikan surat kebenaran dan disertakan peraturan-peraturan permainan/ pertandingan yang digunakan.
- b) Sekiranya penganjuran tersebut adalah peringkat antarabangsa, penganjur hendaklah mendapatkan sanksi dari Badan Pengelola Antarabangsa (IF).

22. Sekiranya penganjuran kejohanan sukan yang hendak dilaksanakan organisasi saya adalah tidak berisiko, adakah saya masih perlu mendapatkan perlindungan insurans untuk dimuat naik di dalam sistem eROSA?

Setiap jenis penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan yang hendak dilaksanakan sama ada berisiko atau pun tidak, **PERLU** mendapatkan perlindungan insurans dan ianya merupakan syarat **WAJIB** yang telah ditetapkan pihak KBS.

23. Sekiranya saya berdepan masalah berhubung penggunaan sistem permohonan dan hendak mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai GPS, di manakah saya boleh merujuk?

Bilik Gerakan Dana KBS

Aras 2, Menara KBS, Kementerian Belia dan Sukan,
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 Putrajaya.

No. Telefon : 03-8871 3585/ 3315/ 3058/ 3632

E-mel : sekretariatgps@kbs.gov.my